



NOTA PERBINCANGAN

Tajuk	Mesyuarat Penyelarasan Program Transformasi dan Digitalisasi Koperasi di ANGKASA
Tarikh	16 Mei 2025 (Jumaat)
Masa	10.00 pagi
Tempat	Bilik Bincang 3, Aras 2 KUSKOP
Pengerusi	Puan Noor Azlin binti Adnan Timbalan Setiausaha Bahagian (SPKK) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

1. **Perutusan Pengerusi**

- a) Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.
- b) Pengerusi memaklumkan mesyuarat pada hari ini adalah berkaitan perancangan dan gerak kerja Program Transformasi dan Digitalisasi Koperasi yang dicadang untuk diadakan di ANGKASA.

2. **PROGRAM TRANSFORMASI DAN DIGITALISASI KOPERASI DI ANGKASA**

- a) Program ini akan diadakan di Auditorium ANGKASA, Petaling Jaya dengan anggaran kehadiran seramai 150 orang;
- b) Cadangan pengisian program transformasi dan digitalisasi koperasi adalah:
 - i. Sesi perkongsian daripada koperasi terbaik di Selangor atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
 - ii. Taklimat berkaitan platform MYMALL; dan
 - iii. Taklimat berkaitan COOP.MY daripada MYNIC.

3. **KEPUTUSAN MESYUARAT DAN TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL**

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa:

- a) Tarikh cadangan Program Transformasi dan Digitalisasi adalah antara 25 Jun (Rabu), 26 Jun (Khamis) atau 17 Julai 2025 (Khamis). Penetapan tarikh adalah bergantung pada perbincangan ANGKASA dan akan dimaklumkan pada minggu hadapan;
- b) Cadangan perasmi bagi program ini adalah Presiden atau Timbalan Presiden ANGKASA. ANGKASA akan memaklumkan perasmi bagi program ini;
- c) Jemputan kepada Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah, SKM, IKMa dan ANGKASA. Jemputan juga disusuli bagi sesi *pocket talk* kepada dua buah koperasi, MYMALL dan MYNIC. Pihak BKPPK akan mengeluarkan surat jemputan;
- d) Jemputan kepada koperasi dan koperasi sekolah di sekitar Lembah Klang. Jemputan koperasi diutamakan adalah kepada koperasi dan koperasi sekolah yang mempunyai produk sendiri. ANGKASA dan SKM akan membuat jemputan kepada 40 buah koperasi dan 40 buah koperasi sekolah dengan kehadiran dua orang bagi setiap koperasi;
- e) Sesi perkongsian koperasi adalah daripada salah satu koperasi daripada Program Kod dan sebuah daripada Koperasi Kariah Masjid. Cadangan koperasi yang mempunyai sistem pengurusan maklumat atau sistem aplikasi digital. IKMa dan ANGKASA akan memaklumkan cadangan koperasi;
- f) Jemputan pempamer reruai kepada UKKM, MYNIC dan MYMALL semasa program berlangsung. Penyediaan reruai untuk pempamer adalah merangkumi meja, kerusi dan *plug point*; dan
- g) Teks ucapan alu-aluan oleh perasmi akan disediakan oleh BKPPK. Manakala, lantikan pembaca doa dan pengacara majlis diuruskan oleh pihak ANGKASA.

Disediakan oleh:

Seksyen Pembangunan Kapasiti Koperasi
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

SENARAI KEHADIRAN

A. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

1. Puan Noor Azlin binti Adnan - Pengerusi
Timbalan Setiausaha Bahagian
2. Dr. Mohd Faizal bin Abdul Ghani
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
3. Cik Jawahir binti Mat Tajudin
MYSTEP
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil

B. SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

4. Encik Shahrizan bin Rosli
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
5. Puan Norazlina binti Abu Bakar
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Perniagaan

C. INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

6. Puan Azlifah binti Abas
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
7. Puan Nor Azlina Kassim
Pegawai
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

D. ANGKASA

7. Encik Zakaria Lat @ Murad
Pengurus Besar
Bahagian Teknologi Maklumat
8. Encik Muhammad Noh Hj. Anuar
Pegawai Seksyen Portal & e-Dagang
Bahagian Teknologi Maklumat